

17 Mac 2006

Petikan dari Utusan Malaysia

## **Operasi buru pekerja asing tanpa izin diteruskan**

PUTRAJAYA 16 Mac - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, bilangan pekerja asing tanpa izin di seluruh negara setakat ini dianggarkan 300,000 hingga 500,000 orang dan biarpun jumlah berkenaan adalah besar, namun ia masih berkurangan berbanding sebelum ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, untuk itu kerajaan akan meneruskan operasi memburu mereka dengan bantuan Ikatan Relawan Rakyat (Rela).

``Pekerja asing tanpa izin ini masih ada lagi di seluruh negara dan kita akan teruskan operasi.

``Namun kita perlu ambil maklum bahawa tindakan terhadap pekerja yang tidak sah itu sudah pun memperlihatkan kesan positif.

``Ini berdasarkan bilangan operasi bertambah sementara bilangan ditangkap adalah kurang," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing di sini, hari ini.

Hadir sama Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad; Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn; Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz; Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek dan Menteri Pelancongan, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor.

Mengenai bilangan pekerja asing yang sah pula, Najib berkata, sehingga 31 Januari lalu, sebanyak 1,820,680 orang telah berkhidmat dalam pelbagai sektor di negara ini berbanding 1,615,863 orang pada 5 Julai tahun lalu.

Sektor pembuatan, ujarinya, mencatatkan jumlah terbanyak mengupah pekerja asing iaitu 591,363 orang atau 32.48 peratus diikuti perladangan 412,912 orang (22.68 peratus), pembantu rumah 319,383 orang (17.54 peratus), pembinaan 282,361 orang (15.51 peratus) dan perkhidmatan 161,015 orang (8.84 peratus) manakala pertanian 53,636 orang (2.95 peratus).

``Sementara negara sumber terbanyak ialah Indonesia iaitu 65.94 peratus, Nepal 10.92 peratus dan India 7.56 peratus," katanya.

Dalam mesyuarat itu juga, Timbalan Perdana Menteri berkata, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dilantik sebagai badan untuk membawa pekerja

asing dari India dan keputusan itu diambil bagi mengelakkan masalah berhubung kemasukan pekerja asing.

Di samping itu, katanya, kerajaan juga menetapkan anak syarikat CIDB iaitu Pusat Pertukaran Pekerja Pembinaan Berhad (CLAD) mengendalikan sistem pertukaran pekerja bagi sektor binaan untuk kemasukan pekerja di bawah bilangan 50 orang.

“Kebiasaannya dalam bidang pembinaan, sebuah syarikat memerlukan pekerja mahir untuk tempoh tertentu iaitu tiga hingga empat minggu dan selepas itu pekerja berkenaan boleh bekerja dengan syarikat lain yang akan diatur oleh CLAD,” katanya.

Mengenai kaedah pengambilan pekerja, beliau menyatakan, majikan boleh memohon terus kepada kementerian melalui pusat setempat dan setakat ini sebanyak 152,694 pekerja asing masuk ke negara ini melalui kaedah itu dan ia juga dilihat amat disukai oleh pihak swasta.

Pada sidang akhbar itu, beliau turut mengumumkan bahawa jawatankuasa Kabinet memutuskan pemeriksaan doktor adalah wajib ke atas pekerja asing untuk tahun kedua memandangkan penyakit serius masih dikesan di kalangan mereka.

“Mereka membuat pemeriksaan doktor sebelum masuk ke sini, namun kini mereka perlu mendapatkan rawatan untuk tahun kedua pula.

“Ini kerana kita mendapati ada 5,000 kes melibatkan penyakit tibi di kalangan pekerja asing dan sifilis pun ada,” katanya.